

▼30/05/20-15MST

CNS9720

R GB 30-05 00143 BB123

bah

Mahathir-Bosnia

MALAYSIA AKAN KEMUKA CADANGAN MENGENAI BOSNIA KEPADA OIC

KOTA KINABALU, 30 Mei (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan satu cadangan kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai usaha menyelesaikan konflik di Bosnia Herzegovina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata Beliau tidak boleh mengumumkan cadangan itu sebelum ia dibincangkan dengan negara-negara anggota OIC dan mendapatkan kata sepakat pertubuhan itu.

"Kita ada cadangan yang melibatkan negara-negara OIC tetapi kita tak boleh nak umumkan sebelum dapat berbincang dengan mereka," katanya pada persidangan akhbar di sini selepas mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin Umno Sabah.

Katanya Malaysia akan menghantar wakilnya ke OIC untuk meminta pendapat dan sokongan negara-negara Islam.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan belum memutuskan siapakah yang akan dihantar untuk berbincang dengan OIC dan bila cadangan itu akan dikemukakan.

-- Lagi

▼30/05/20-24MST

CNS9721

R GB 30-05 00182 BB124

bah

Mahathir-Bosnia 2 Kota Kinabalu

Apabila ditanya sama ada Malaysia yakin mendapat sokongan OIC, Perdana Menteri berkata: "Kalau kita boleh dapat kata sepakat baguslah".

Sebelum ini, Malaysia menolak program tindakan bersama yang diusahakan oleh lima negara termasuk Amerika Syarikat bagi menyelesaikan konflik itu. Ia menyarankan agar "kawasan selamat" yang diwujudkan bagi umat Islam Bosnia diperkukuhkan dengan bantuan pertahanan udara dan mengawasi bekalan senjata Serbs di kawasan sempadan.

Dr Mahathir berkata: "Umumnya kita tidak bersetuju dengan pemberian "hadiah" kepada orang-orang Serbs kerana keganasan mereka.

"Hanya kerana kuasa Barat tidak sanggup menghadapi bahaya di Bosnia. Ini adalah satu tindakan yang betul-betul tidak adil dan tidak berperi kemanusiaan."

Beliau kesal sikap negara Barat yang bukan sahaja tidak mahu menolong orang Islam di Bosnia malah tidak mahu memberi hak kepada orang Islam mendapatkan senjata untuk mempertahankan diri mereka.

"Ini seolah-olah menyuruh orang yang bersenjata membunuh orang yang tidak bersenjata dan menghalang orang yang tidak bersenjata mendapat senjata untuk mempertahankan diri," katanya sambil berkata perkara seperti itu tidak pernah berlaku dalam dunia. -- Lagi

▼30/05/20-27MST

CNS9722

R GB 30-05 00154 BB125

bah.

Mahathir-Bosnia 3 Kota Kinabalu

Beliau membidas kuasa Barat yang selama ini bersungguh-sungguh memperjuangkan hak asasi manusia tiba-tiba tidak mahu membantu orang Islam di Bosnia yang jelas hak asasi mereka dicabuli.

"Kita sedang tengok keganasan luar biasa yang dilakukan oleh puak Serb terhadap orang Islam di Bosnia. Mereka mencabul hak asasi tetapi orang Islam tidak dapat apa-apa pertolongan," katanya.

Apabila diminta mengulas mengenai kedudukan Tun Mustapha Datu Harun sdan komenya mengenai kenyataan pemimpin Parti Bersatu Sabah bahawa kerajaan Persekutuan tidak seharusnya meminda Perlembagaan hanya untuk kepentingan individu tertentu, Perdana Menteri berkata:

"PBSlah yang selalu buat kerja macam itu. Dia pinda Perlembagaan tak henti-henti untuk kepentingan parti dia... sampai Perlembagaan yang bertentangan dengan undang-undang asas negara pun sanggup dipinda."

Dr Mahathir berkata PBS juga sanggup naikkan gaji menteri semata-mata untuk menarik minat pemimpin Usno untuk menjadi menteri dalam kerajaan campuran PBS-Usno. -- Lagi

▼30/05/20-32MST

CNS9724

R GB 30-05 00112 BB126

bah

Mahathir-Bosnia 4 (Akhir) Kota Kinabalu

"Apa dia yang dia tak buat untuk kepentingan diri mereka. Apa jua kuasa yang ada pada dirinya termasuk guna duit kerajaan untuk kepentingan parti. Kita ada bukti (tentang ini)," katanya.

Menyentuh mengenai perjumpaannya dengan para pemimpin Umno Sabah, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata beliau hanya menerangkan kepada mereka, peranan yang harus mereka lakukan apabila Umno membuat sesuatu tindakan.

Perdana Menteri dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, yang tiba di sini pagi tadi untuk lawatan sehari, kemudian berlepas ke Alor Setar pada kira-kira pukul 7 malam. -- Bernama.

MOK RON